

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 SEPTEMBER 2021  
AKHRAR : BERITA HARIAN

# Laporan kewangan korporat lebih baik

Prestasi syarikat tepati, atasi jangkaan petanda situasi buruk berakhiri

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Prestasi** kewangan lebih kukuh yang diumum sebahagian besar syarikat senaraiann awam pada suku kedua 2021 membayangkan situasi buruk akibat impak pandemik COVID-19 sudah berakhir, demikian kata penganalisis.

PublicInvest Research dalam nota penyelidikannya berkata, musim pelaporan keputusan kewangan suku kedua 2021 dilihat adalah lebih baik dengan jumlah syarikat mengumumkan kedudukan kewangan yang menepati atau mengatasi jangkaananya.

Ia berkata, prestasi syarikat dalam sektor perbankan dan perladangan mengatasi jangka-

annya dan begitu juga dalam sektor pengguna.

Namun begitu, katanya, kelemahan dalam sektor hartanah berfokus pengguna, REIT dan perjudian mencadangkan sebaliknya.

"Jangkaan pemulihan yang lebih kukuh dalam suku tahunan mendatang akan tertangguh berikutan syarikat terus berdepan kesan sekatan pergerakan dan penundaan pembukaan semula sektor ekonomi serta kekangan kapasiti.

"Beberapa sokongan kestabilan dilihat dalam minyak dan gas serta teknologi di tengah-tengah kitaran meningkat global bagi kedua-dua industri itu," katanya dalam nota penyelidikannya.

dua suku tahunan lagi untuk pemulihannya.

"Sebanyak 22 kaunter saham (31.4 peratus) di dalam liputan kami mencapai konsensus jangkaan, sementara 25 (35.7 peratus) tidak mencapai sasaran dan 23 (32.8 peratus) mengatasi jangkaan" katanya.

kaan, katanya.

Ia juga berkata bahawa pasaran saham akan kekal berorientasikan perdagangan dengan perubahan tidak dijangka dan mengekalkan sasarannya Indeks FBM KLCI bagi akhir tahun 2021 pada paras 1,590 mata.

RHB Research pula berkata, keputusan kewangan suku ta-hunan Jun adalah mengejutkan dengan catatan yang kukuh meskipun berdepan cabaran.

ia berkata, walaupun tempoh Perintah Kawalan Pergerak (PKP) 3.0 lebih lama daripada dijangkakan memberi tekanan kepada pendapatan suku tahunan September, pasaran sudah mula mengambil gambar prospek 2022, yang mana dilihat tahun pemilihan lebih cerah dengan berlalunya ketidaktentuan politik dan pandemik.

"Sektor penjagaan kesihatan dan perlindungan melaporkan pendapat yang boleh diperimbangkan sebagai mengatas jangkaan. Secara keseluruhan, 31.3 peratus syarikat melaporkan (prestasi kewangan) di bawah jangkaan sementara 22.6 peratus mengatas jangkaan," katanya dalam nota penyelidikannya.

Bagi TÀ Securities, kepu-

An aerial photograph of the Kuala Lumpur city skyline, featuring the iconic Petronas Twin Towers as the central focus. The towers are two identical skyscrapers standing side-by-side. The surrounding urban landscape includes numerous other high-rise buildings, modern infrastructure like roads and bridges, and some green spaces. The perspective is from above, looking down at the city's dense architecture.

Syarikat korporat dijangka memerlukan satu atau dua suku tahunan lagi untuk mencapai pemuliharan sepenuhnya. (Foto hiasan)

(Foto hiasan)

rung tangan berikutan purata harga jualan kembali normal.

"Pelabur perlu meningkatkan pendedahan dalam ekuiti tempatan dengan pembukaan semula sepenuhnya ekonomi pada November selepas mencapai imuniti kelompok dan peningkatan semula pendapatan korporat.

tusan kewangan korporat pada suku kedua 2021 adalah masih dalam jangkaannya dengan pendapatan teras bagi saham di bawah liputannya meningkat sebanyak 26.2 peratus dari suku ke suku dan 158.8 peratus dari tahun ke tahun berikutan keuntungan kukuh dalam sektor perbankan, minyak dan gas serta perladangan.

La menjangkakan pendapatan saham di bawah liputannya akan meningkat sebanyak 41.8 peratus pada tahun kewangan semasa 2021 sebelum perlahan kepada 7.2 peratus pada tahun kewangan 2022 berikutan kesan asas tinggi dan penguncupan dalam pendapatan sektor sa-

"Pemulihan disokong oleh rangsangan fiskal yang besar yang diumumkan setakat ini dan pemangkin tambahan terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Belanjawan 2022 yang akan diumumkan tidak lama lagi," katanya, sambil mengekalkan untutan akhir tahun Indeks FBM KLCI pada paras 1,740 mata.